



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN**

1. Tawaran daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia akan diterima di **Pejabat Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** hingga **16 April 2025 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**.

BUTIRAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BPTM/M/1/2025 PEROLEHAN PEMBAHARUAN LESEN ARCGIS, MENGUJI PERISIAN DAN KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL UNTUK LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) SELAMA 12 BULAN	Pengkhususan: Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod Bidang 210103, 210104 dan 210109	RM10.00 (Satu set) Bayaran tidak dikembalikan	16 April 2025 (Rabu), Jam 12.00 tengah hari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman mulai **8 April 2025** sehingga **16 April 2025**.
3. Penyebutharga yang ingin membeli dokumen tawaran dikehendaki mengemukakan Surat Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Taraf Bumiputera yang asal untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap surat pendaftaran tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.
4. Dokumen tawaran juga boleh dibeli oleh wakil penyebutharga yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen yang disebutkan dalam **Perkara tiga (3)**.

5. Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja. Pembayaran dalam talian hendaklah dibayar atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (CIMB BANK – 8006436723)**, pembayaran secara **Interbank GIRO transfer**. Resit pembayaran perlulah dikemukakan sebelum dokumen diterima.
6. Penyebutharga mestilah mengemukakan **Tawaran Kewangan** dan **Tawaran Teknikal** di dalam dua (2) sampul surat berasingan yang berlakri dan dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat utama berlakri dengan menulis nombor sebut harga pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.



.....
(RUMZI BIN AHMAD)

Pengarah

Bagian Perancangan dan Teknologi Maklumat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Tarikh:

7/4/25